

UJIAN SARINGAN HIV SECARA SUKARELA DAN TANPA NAMA

PENGENALAN

Program ujian saringan HIV secara sukarela dan tanpa nama diperkenalkan oleh Sektor HIV Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2003 sebagai salah satu cara pencegahan bagi penularan jangkitan HIV.

SASARAN

Ujian ini disasarkan bagi golongan berisiko seperti berikut:

- i. Mereka yang mempunyai pasangan yang dijangkiti HIV
- ii. Penagih dadah
- iii. Pekerja seks
- iv. Homoseksual dan pasangan
- v. Mereka yang pernah berkongsi jarum suntikan dadah
- vi. Mereka yang mempunyai pasangan penagih dadah
- vii. Mereka yang ada hubungan seks dengan pekerja seks
- viii. Mereka yang mempunyai pasangan berbilang seks
- ix. Mereka yang ada hubungan seks dengan yang di atas

KELEBIHAN MENJALANI UJIAN

Kelebihan menjalankan ujian saringan HIV secara sukarela dan tanpa nama untuk golongan berisiko:

- i. Mendapat ujian saringan HIV yang cepat (15 minit), mudah dan SULIT
- ii. Mendapat pengesanan awal mengenai status HIV
- iii. Mendapat rawatan awal termasuk ubatan dan kaunseling

PROSEDUR-PROSEDUR TERLIBAT

- Prosedur Ujian HIV Tanpa Nama (Anonymous Voluntary Test) dan Ujian Pengesanan
- Rekod ujian sukarela tanpa nama di klinik kesihatan (diisi dan disimpan di klinik kesihatan)

SENARAI KLINIK KESIHATAN DI SELANGOR

Senarai klinik kesihatan di Selangor yang menjalankan pemeriksaan ujian saringan HIV secara sukarela dan tanpa nama beserta talian untuk dihubungi.